



**PENGURUSAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT OLEH MAIPS
KETIKA COVID-19 DI NEGERI PERLIS: SUATU SOROTAN
KAJIAN
(MANAGEMENT OF ZAKAT COLLECTION AND DISTRIBUTION BY
MAIPS DURING COVID-19 IN PERLIS: A LITERATURE REVIEW)**

Fathullah Asni
Kolej Universiti Islam Perlis
Fathasni90@gmail.com

ABSTRAK

Penularan wabak COVID-19 telah dua tahun menular di seluruh dunia. Penularan wabak ini telah menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik kerana telah menjejaskan pelbagai sektor terutama terhadap sektor ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan tanpa sempadan. Situasi ini turut menjejaskan institusi zakat apabila kadar kemiskinan dan pihak yang terjejas dengan masalah kesihatan semakin meningkat, maka ia sudah pasti membawa impak yang ketara terhadap kutipan zakat yang semakin berkurangan dan pengagihan zakat semakin meningkat. Justeru, kajian ini adalah untuk mengkaji pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) semasa pandemik COVID-19 di negeri Perlis. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana ia melibatkan kajian kepustakaan merangkumi buku, jurnal, akhbar, laman maya rasmi dan pekeliling yang berkaitan. Bahan-bahan yang diperolehi akan dianalisis menggunakan metode analisis dokumen. Berdasarkan kepada dapatan kajian, pihak MAIPs telah menjalankan beberapa inisiatif penting terutama dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat dalam mendepani cabaran COVID-19. Antara inisiatif tersebut ialah menjalankan kempen zakat dan berkongsi maklumat zakat di media-media elektronik, memberi peruntukan kepada golongan yang terjejas dengan COVID-19 sama ada bantuan secara one off atau berkala mengikut situasi, berkerjasama dengan pelbagai pihak dan memudahkan birokrasi bantuan zakat. Usaha-usaha yang dilakukan ini mampu mengurangkan impak pandemik COVID-19 terutama di negeri Perlis.

Kata kunci: Zakat, MAIPs, Perlis, COVID-19, Inisiatif

ABSTRACT

The outbreak of COVID-19 has been contagious around the world for two years. The spread of this epidemic has led the World Health Organization (WHO) to declare COVID-19 as a pandemic as it has affected various sectors, especially the economic, social, educational and health sectors without borders. This situation also affects the zakat institution when the rate of poverty and those affected by health problems increases. It will certainly have a significant impact on the collection of zakat, which is declining, and the distribution of zakat is increasing. This requires zakat institutions to formulate new strategies in dealing with this adverse impact. Thus, this study examines the management of the collection and distribution of zakat by the Islamic Religious Council and Malay Custom Perlis (MAIPs) during the COVID-19 pandemic in the state of Perlis. This study uses a qualitative approach involving a literature review





covering books, journals, newspapers, official virtual sites and related circulars. The materials obtained will be analysed using the document analysis method. Based on the study's findings, the MAIPs have undertaken several important initiatives, especially in managing the collection and distribution of zakat in facing the challenges of COVID-19. Among the initiatives are conducting zakat campaigns and sharing zakat information in electronic media, providing allocations to those affected by COVID-19 either on a one off or monthly basis depending on the situation, collaborating with various parties and facilitating the zakat assistance bureaucracy. These efforts can reduce the impact of the COVID-19 pandemic, especially in the state of Perlis.

Keywords: *Zakat, MAIPs, Perlis, COVID-19, Initiatives*

Submitted: 03/10/2021

Accepted: 05/11/2021

Published: 03/12/2021

PENGENALAN

Sejak akhir tahun 2019 sehingga kini, setiap negara menghadapi cabaran yang kritikal apabila diserang dengan virus COVID-19. Virus tersebut bukan sahaja membawa penyakit, malah ia turut boleh meragut nyawa. Penyebaran wabak virus tersebut mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (2020) mengkategorikan keadaan tersebut sebagai pandemik. Ini kerana wabaknya sangat meluas tanpa sempadan sehingga mengancam kawasan di seluruh dunia dan sukar dikawal. Penyebaran wabak ini telah memberi kesan buruk kepada seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Wabak ini mengakibatkan lebih daripada 4.5 juta kematian dan lebih daripada 220 juta orang dijangkiti COVID-19 di seluruh dunia (Worldmeters, 2021). Justeru, antara perkara yang paling terjejas disebabkan oleh penularan wabak ini adalah terhadap sektor kesihatan dan ekonomi.

Pandemik yang melanda seluruh dunia ini telah menyebabkan Malaysia juga terpalit dengan ketidakstabilan yang merangkumi isu kelembapan ekonomi, sosial, kehilangan pekerjaan, kemiskinan, kekurangan sumber, masalah kesihatan dan pelbagai lagi (Shakeel et al., 2020). Ketika mana pakar kesihatan mengesahkan bahawa penyakit virus COVID-19 ini boleh merebak melalui agen penyebaran manusia iaitu melalui batuk yang mengeluarkan titisan cecair atau percakapan yang boleh menyebabkan percikan air liur, maka hal tersebut telah menyebabkan pihak kerajaan mengambil inisiatif yang pelbagai untuk menghentikan penyebaran virus tersebut seperti mengarahkan orang ramai bekerja dari rumah, tidak keluar rumah melainkan jika terdapat urusan penting, penjarakkan fizikal, tidak boleh berkumpul yang melibatkan ramai orang, hadkan kemasukan di sesuatu tempat tertutup, menutup premis-premis yang tidak kritikal, tidak boleh merentas daerah atau negeri dan pelbagai lagi (Karim et al., 2020; Shah et al., 2020).

Tambahan pula, kini dunia dikejutkan dengan varian mutasi COVID-19 yang dikenali sebagai Delta, Beta dan Alpha di mana ia boleh menjangkiti dalam tempoh yang amat pantas iaitu dalam tempoh 15 saat dengan jarak satu meter serta boleh merebak melalui udara (Lopez Bernal, et al. 2021). Hal ini menyebabkan jangkitan dan kesan virus terhadap badan manusia semakin meningkat. Hal ini dapat dilihat kepada rekod jangkitan dan kematian di antara tahun 2020 dan 2021 adalah berkali ganda. Sehingga kini di Malaysia, direkodkan terdapat lebih dua juta orang dijangkiti dan telah mengakibatkan lebih daripada 28 ribu kes kematian akibat daripada jangkitan COVID-19 (COVID-19/Kementerian Kesihatan Malaysia, (2021).

Apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19, ia memberi impak yang besar terutama kepada sektor ekonomi.





Akibatnya beberapa sektor pekerjaan terpaksa menghentikan operasi serta-merta dalam usaha mengekang penularan COVID-19 (Fabeil et al., 2020). Penutupan perniagaan ketika PKP menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan, termasuk gaji pekerja sehingga terpaksa membuang pekerja. Selain daripada kehilangan pendapatan atau mendapat gaji separuh, mereka juga terbeban dengan komitmen kewangan dalam bentuk hutang dan perbelanjaan keperluan harian yang semakin bertambah (Aziz et al., 2020).

Justeru, pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang amat besar bukan sahaja kepada para asnaf zakat, tetapi juga kepada golongan B40. Bahkan ia turut merebak kepada golongan M40 dan T20 terutama di kalangan para peniaga dan pekerja swasta yang terpaksa menutup perniagaan dan dibuang kerja terutama melibatkan sektor perkilangan, pelancongan, penerbangan dan industri kecil (Othman & Ibrahim, 2020). Kesannya menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan negara meningkat kepada 8.4 peratus daripada 5.6 peratus pada tahun 2019 di mana jumlah kemiskinan isi rumah di Malaysia telah meningkat daripada 405,000 pada tahun 2019 kepada 640,000 pada tahun 2020 (Sinar Harian, 2021). Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) menjangkakan kemelesetan ekonomi pada tahun 2020 yang sekurang-kurangnya menyamai keadaan buruk ketika krisis kewangan global pada tahun 2009 (BNM, 2020). Menurut Laporan Bank Dunia, kesan COVID-19 ini akan menyebabkan hampir 35 juta orang akan tetap dalam kemiskinan dan jumlah orang yang hidup dalam kemiskinan tegar ini akan terus meningkat sehingga 922 juta di seluruh dunia (Othman & Nor, 2021).

Melihat kepada krisis ekonomi yang semakin meruncing, ia membawa kesan yang ketara terhadap institusi zakat yang berperanan sebagai sektor ekonomi sosial umat Islam sejak sekian lama. Institusi zakat yang bertindak sebagai pihak yang diamanahkan untuk mengutip zakat serta mengagihkannya kepada golongan asnaf yang layak (Ibrahim, 2015). Namun akibat pandemik COVID-19 telah menyebabkan kutipan zakat akan terjejas sekaligus menjejaskan agihan zakat kepada golongan yang memerlukan semakin ramai. Tambahan pula impak daripada COVID-19 ini telah mewujudkan golongan asnaf baharu iaitu barisan hadapan (frontliner), peniaga kecil dan pekerja bergaji harian serta orang awam yang terbeban dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Kamrizal & Nenengsih, 2021).

Impak yang besar terhadap sektor ekonomi tersebut sudah pasti akan memberi kesan kepada jumlah kutipan zakat di Malaysia. Kutipan zakat dijangka akan menerima kesan negatif daripada pandemik COVID-19 ini. Antara jenis zakat yang akan menerima kesan negatif ini seperti zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat saham dan zakat pertanian (Shaharin et al., 2021). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), di antara negeri yang menghadapi kadar kemiskinan yang semakin meningkat dengan ketara ialah negeri Perlis (Sinar Harian, 2021).

Sejak penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP sebagai langkah memutuskan jaringan penularan wabak, sebanyak 46.6% dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh PKP (DOSM, 2020). Hal tersebut telah menyebabkan mereka hilang sumber pendapatan sekaligus menambah bebanan mereka untuk menampung kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengakui bahawa kos untuk membantu mereka yang terkesan ini amat besar. Oleh itu, Kerajaan Negeri Perlis telah melancarkan Tabung Bencana Negeri Perlis sebagai usaha sama dalam membantu golongan yang terjejas ekoran pelaksanaan PKP (DOSM, 2020). Selain itu, MAIPs juga telah merekodkan penambahan sebanyak 3500 penerima bantuan asnaf baharu pada tahun 2021 berikutan impak pandemik COVID-19 (MAIPs, 2021). Hal ini sudah pasti membawa cabaran baharu kepada pengurusan zakat MAIPs dalam menghadapi impak yang buruk ini. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh pihak MAIPs dalam menghadapi cabaran COVID-19 di negeri Perlis.





SOROTAN KAJIAN

Konsep zakat

Zakat berasal daripada perkataan Arab, iaitu zakaa yang bermaksud bersih dan suci (Abd Rashid et al., 2018). Ibn Manzur (1990) menyebut bahawa asas zakat ialah bersih, tumbuh, berkat dan pujian. Allah SWT menjelaskan maksud zakaa dalam al-Quran iaitu, “Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu (al-Syams: 9)”. Berdasarkan ayat tersebut, dapat disimpulkan pengertian zakat ialah membersihkan harta daripada bercampur dengan hak orang lain, kemudian menyucikan jiwa manusia daripada sifat tamak haloba serta iri hati dan melahirkan sifat terpuji sesama manusia.

Sementara pengertian zakat daripada sudut syarak ialah harta tertentu yang dikeluarkan dengan syarat-syarat tertentu kepada golongan tertentu (asnaf). Bagi memastikan matlamat dan objektif pensyarian zakat tercapai, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW lagi dalam memantapkan pengurusan zakat (Abd Rashid et al., 2018). Tindakan tegas khalifah Islam yang pertama memerangi golongan yang ingkar mengeluarkan zakat amat jelas iaitu ketika mana Saidina Abu Bakar mengambil tindakan memerangi mereka yang enggan mengeluarkan zakat selepas wafatnya Rasulullah SAW. Demikian juga usaha penubuhan Baitul Mal oleh Saidina Umar al-Khattab, institusi ini bertindak sebagai pusat pengurusan perbendaharaan negara meliputi zakat, jizyah, ghanimah, kharaj, fay’, bayaran gaji pegawai tadbir, tentera dan sebagainya. Institusi seumpama ini kemudiannya dikembangkan di seluruh wilayah Islam (Tonot & Ibrahim, 2014).

Institusi zakat merupakan salah satu sektor perkhidmatan yang sangat penting dalam ekonomi Islam. Hal ini kerana zakat merupakan sistem jaminan sosial yang berkesan terhadap masyarakat Islam. Hal ini boleh dilihat apabila agihan zakat merangkumi ramai golongan dalam sesuatu masyarakat iaitu melibatkan lapan golongan asnaf sebagaimana yang ditetapkan oleh al-Quran iaitu orang fakir (al-fuqara’), orang miskin (al-masakin), amil, muallaf, hamba (al-riqab), orang yang dibebani hutang (al-gharimin), orang yang berjuang di jalan Allah (fisabilillah), musafir di perjalanan (Ibn sabil). Justeru, agihan zakat meliputi golongan yang memerlukan dalam sesuatu masyarakat (Wahid et al. 2017).

Oleh itu, objektif amalan zakat ialah untuk membina masyarakat untuk saling bekerjasama di antara golongan kaya dan miskin. Di samping itu, amalan zakat juga dapat mendidik masyarakat supaya menjauhi sifat-sifat tercela seperti terlalu mementingkan diri sendiri dan bakhil. Seiring dengan kemajuan zaman, kini pelbagai perubahan dan kemajuan dalam sistem pengurusan zakat oleh institusi zakat di seluruh negara umat Islam terutama dari sudut keberkesanan dalam kutipan dan agihan zakat (Romdhoni, 2017). Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa institusi zakat merupakan penyumbang utama dalam pelbagai pembangunan umat Islam terutama dari sudut ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sosial. Walaupun umat Islam sering diuji dengan pelbagai cabaran hidup seperti masalah ekonomi, kesihatan dan pendidikan, institusi zakat sentiasa menjadi penyumbang utama dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang wujud pada saban waktu (Kadri et al., 2012).

Bantuan zakat kecemasan

Selain bantuan zakat dalam bentuk normal yang perlu diagihkan kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan, bantuan zakat juga turut diagihkan untuk bantuan kecemasan seperti yang terlibat dengan bencana alam. Menurut Fisal et al. (2016), mangsa banjir boleh termasuk dalam golongan ke enam iaitu asnaf al-gharimin kerana mereka terpaksa berhutang dalam hal yang tiada maksiat dan tidak menemui jalan untuk melunaskan hutangnya. Mereka juga perlu berhutang untuk diri sendiri dan keluarga. Hal ini kerana banjir adalah bencana yang





menyebabkan harta benda musnah dan memerlukan kepada bantuan. Justeru, ulama memasukkan golongan seperti ini sebagai asnaf al-gharimin iaitu orang yang berhutang. Menurut Fisal et al. (2016), zakat boleh diberikan kepada golongan yang terjejas kerana bencana sama ada banjir besar, puting beliung, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain kejadian yang menyebabkan rumah dan tanaman mereka musnah. Mereka boleh dikategorikan sebagai golongan al-gharimin yang berhak menerima zakat. Walau bagaimanapun, Fisal et al. (2016) menetapkan bahawa kelayakan seseorang mangsa banjir dalam situasi darurat dilihat lebih tepat di bawah kaedah fiqh al-darurat tubihul mahzurat (kemudaharatan membolehkan tegahan) dan dibatasi dengan kaedah fiqh yang lain iaitu al-darurat tuqaddar bi qadariha (keadaan darurat ditentukan mengikut kadarnya).

Mutakhir ini, institusi zakat menghadapi cabaran yang besar dengan isu COVID-19 yang melanda di seluruh negara di mana ia menjejaskan pelbagai sektor utama terutama terhadap sektor ekonomi, pendidikan, sosial dan masyarakat. Justeru, direkodkan dalam beberapa kajian mengenai strategi institusi zakat dalam menghadapi wabak tersebut. Untuk merencanakan hasil kutipan zakat, Hudaefi et al. (2021) mencadangkan agar institusi zakat meningkatkan kempen zakat digital untuk meningkatkan kutipan di zaman COVID-19, ianya telah berjaya dilakukan oleh Badan Nasional Republik Zakat Indonesia (BAZNAS RI).

Demikian juga pembayaran zakat secara dalam talian adalah lebih mudah, cepat dan dipercayai sekaligus boleh meningkatkan kutipan zakat di zaman COVID-19 (Bin-Nashwan, 2021). Walau bagaimanapun, organisasi zakat perlu memastikan sistem bayaran zakat adalah mudah bagi orang untuk melakukan pembayaran zakat dalam talian, kerana akses yang mudah adalah faktor terpenting yang mempengaruhi keinginan untuk membayar zakat dalam talian. Institusi zakat juga perlu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem pembayaran, meningkatkan kualiti infrastruktur organisasi dan teknikal di mana ia boleh menyumbang meningkatkan kutipan dana zakat (Kasri et al., 2021).

Hudaefi et al. (2021) telah menganalisis mengenai pembelajaran mesin melalui RStudio yang menghasilkan 16 topik yang berkaitan dengan tiga topik utama iaitu pendidikan, sadaqah dan perkhidmatan kesihatan. Topik-topik tersebut dapat membantu menambah pengetahuan mengenai bantuan Badan Nasional Republik Zakat Indonesia (BAZNAS RI) untuk wabak COVID-19, ia dapat membantu para pembaca memahami pentadbiran zakat ketika waktu wabak dari laman web BAZNAS RI. Hal ini disokong dalam kajian Umar et al. (2021) bahawa melalui hubungan langsung di antara kesedaran dan pengetahuan mengenai instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat, berpotensi memberikan sumbangan positif untuk meningkatkan kutipan zakat semasa pandemik COVID-19. Selain itu, penerapan teknologi blockchain dalam pengurusan zakat boleh meningkatkan kepercayaan masyarakat Islam terhadap institusi zakat. Ini kerana, teknologi tersebut dapat menyediakan perkhidmatan yang cekap dari sudut pengurusan kutipan dan agihan zakat yang lebih efisien (Nor et al., 2021).

Dari sudut agihan zakat, banyak institusi zakat telah membuka tabung kecemasan COVID-19 untuk golongan yang terjejas disebabkan wabak COVID-19. Antara golongan yang terjejas tersebut adalah para pesakit COVID-19, individu yang kehilangan kerja, peniaga dan penjaja kecil serta golongan asnaf yang sedia terjejas (Hambari et al., 2020; Suhaimi, 2020). Agihan dana zakat kepada golongan yang terjejas akibat COVID-19 adalah bertepatan dengan maqasid al-Shariah (Kadir et al., 2020). Selain itu, untuk keberkesanan agihan zakat dalam menghadapi cabaran wabak COVID-19, Ninglasari et al. (2021) mencadangkan kepada institusi zakat untuk meningkatkan penggunaan zakat digital bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat. Sementara Haider Syed et al. (2020) mencadangkan model baharu dalam bantuan zakat dengan memasukkan konsep qard hasan bagi membantu golongan peniaga kecil yang terjejas dengan COVID-19.

Institusi zakat di Perlis





Setelah Perlis menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, pada tahun yang sama ditubuhkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) iaitu pada 1 Februari 1948. Peruntukan dalam Seksyen 4, Enakmen Pentadbiran Islam Negeri Perlis menyatakan; “Maka hendaklah ada suatu badan bernama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Siti Fatimah et al., 2014; Yusli et al., 2021; Asni et al., 2021).

Pada tahun 1995, Pejabat Zakat ataupun lebih dikenali dengan nama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (Zakat, Wakaf dan Sumber Am) yang bertanggungjawab menguruskan kutipan zakat telah berpindah ke pejabat barunya iaitu Kompleks Islam Perlis di Persiaran Jubli Emas Kangar bagi memperlihatkan kesungguhan Raja bagi meningkatkan ekonomi rakyat negeri Perlis dan seterusnya memartabatkan syiar Islam melalui zakat dan wakaf (Ibrahim, 2020; Asni, 2021). Bagi keberkesanan perjalanan pentadbiran, Baitulmal Negeri Perlis melantik jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Baitulmal (menggantikan jawatankuasa Zakat dan Fitrah) bagi memudahkan proses pungutan dan pengagihan zakat di negeri Perlis. Bagi urusan pentadbiran zakat, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perlis telah membahagikan Negeri Perlis kepada empat zon utama iaitu, Utara, Selatan, Timur dan Barat (Ibrahim, 2020). Institusi zakat di negeri Perlis merupakan antara beberapa institusi zakat yang masih belum dikorporatkan seiring dengan Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu dan Johor (Esрати, 2018).

Dari sudut organisasi zakat di negeri Perlis, terdapat ketua bahagian pengurusan zakat dan dibantu oleh unit kutipan yang mempunyai tujuh orang pegawai, seksyen penerangan yang mempunyai lima orang pegawai dan unit agihan yang mempunyai lapan orang pegawai. Bahagian pengurusan zakat tersebut adalah salah satu cabang dalam carta pentadbiran MAIPs yang diketuai Ketua Pegawai Eksekutif MAIPs (MAIPs, 2021).

Terdapat enam jenis zakat iaitu merangkumi zakat pendapatan, zakat tanaman, zakat wang simpanan termasuk wang digital seperti bitcoin, zakat binatang ternakan, zakat perniagaan dan zakat emas & perak. Dari sudut pembayaran zakat, disediakan pembayaran zakat secara bersemuka sama ada di kaunter institusi zakat, berjumpa terus kepada amil zakat yang dilantik, melalui skim potongan gaji oleh majikan, bayaran melalui kaunter zakat di institusi pengajian tinggi dan bayaran melalui pejabat pos. Selain itu boleh membayar zakat secara maya (MAIPs, 2021). MAIPs juga mewakili perbankan Islam melalui bayaran di kaunter bank, perkhidmatan atas talian, bayaran melalui kad kredit, bayaran melalui cek atau draf bank atau kiriman wang, bayaran melalui perbankan telefon, bayaran melalui pesanan ringkas (sms), dan juga bayaran melalui Auto Teller Machine (ATM) (MAIPs, 2021).

Dari sudut skim bantuan zakat, MAIPs menyediakan 14 skim yang merangkumi lapan asnaf zakat iaitu skim agihan sara hidup, skim agihan sara hidup bulanan, skim agihan perubatan, skim agihan persekolahan rendah dan menengah, skim agihan program peningkatan ekonomi asnaf, skim agihan bekalan elektrik dan air, skim agihan baik pulih rumah dan bina baru, skim agihan mikro baik pulih rumah, skim agihan bencana seperti banjir, ribut, tanah runtuh atau kebakaran, skim agihan kecemasan ibn sabil, skim agihan saguhati motivasi memeluk Islam, skim agihan pelajaran serta merta IPT, skim agihan zakat pelajaran dermasiswa luar negara (Timur Tengah) dan skim agihan aktiviti dakwah dan kemasyarakatan MAIPs (MAIPs, 2021). Selain itu, MAIPs turut dibantu oleh Jabatan Mufti Negeri Perlis dalam pengurusan zakat dari sudut fatwa dan persoalan hukum semasa. Justeru, fatwa dan panduan hukum berkaitan zakat akan diikuti oleh pihak MAIPs (Asni & Sulong, 2017; Asni, 2018).





METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana ia melibatkan kajian kepustakaan merangkumi buku, jurnal, akhbar, laman maya rasmi dan pekeliling yang berkaitan. Pengkaji terlebih dahulu melakukan sorotan kajian yang berkaitan konsep zakat, bantuan zakat kecemasan dan institusi zakat di negeri Perlis. Kemudian pengkaji mengenal pasti pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh pihak MAIPs semasa penularan COVID-19 di akhbar dan di laman maya rasmi setelah tidak dijumpai dalam penerbitan jurnal. Setelah data diperolehi, ia akan dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dengan mengidentifikasi, menyaring, menafsirkan, dan membahagikan data ke dalam kategori pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh pihak MAIPs semasa penularan COVID-19 (Lebar, 2018).

HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dari sudut usaha MAIPs dalam pengurusan zakat bagi menghadapi cabaran COVID-19 sepanjang tempoh dua tahun, pihak MAIPs telah mengagihkan sebanyak RM12,880,317 untuk keseluruhan program 'Inisiatif MAIPs menangani COVID-19' bagi tahun 2020 dan 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,688,267 telah diagihkan bagi tahun 2020, manakala RM8,192,050 diagihkan untuk tahun 2021 (Sinar Harian, 2021).

Selain daripada agihan kepada golongan asnaf melibatkan seramai 14,679 penerima bagi tahun 2020 dan 8,179 penerima bagi tahun 2021 yang dikreditkan secara terus ke dalam akaun, MAIPs juga membuat inisiatif tambahan bagi golongan yang terjejas dengan COVID-19 iaitu meluluskan pengurangan kadar sewaan premis MAIPs sepanjang tempoh penutupan penuh sektor ekonomi ekoran pandemik COVID-19 dengan implikasi kewangan sebanyak RM171,668 (Utusan, 2021). Selain itu, MAIPs juga memperuntukkan zakat kepada petugas barisan hadapan melalui Pejabat Kesihatan Negeri, Pejabat Pelajaran Negeri, Polis, Tentera, Angkatan Pertahanan Awam dan lain-lain yang melibatkan pihak berkuasa negeri. Peruntukan tersebut akan dimanfaatkan mengikut kesesuaian peranan masing-masing (Sinar Harian, 2021). Dari sudut usaha kutipan zakat, pihak MAIPs telah menjalankan beberapa inisiatif penting iaitu setiap agihan peruntukan zakat akan dikongsikan dengan media-media elektronik utama dan di laman web rasmi MAIPs, ia adalah untuk menarik perhatian masyarakat Islam untuk terus menyumbang bagi kebajikan umat Islam (MAIPs, 2021). Inisiatif tersebut juga adalah untuk meningkatkan ketelusan dalam pengurusan zakat di negeri Perlis. Selain itu, kempen-kempen pembayaran zakat juga dijalankan oleh pihak MAIPs sama ada melalui fizikal seperti dalam khutbah jumaat, ceramah oleh guru-guru agama di masjid-masjid dan majlis-majlis rasmi anjuran MAIPs (MAIPs, 2021).

Inisiatif yang dilakukan oleh pihak MAIPs ini amat wajar. Ini kerana, selain bantuan kepada para asnaf yang terjejas akibat COVID-19, terdapat pihak lain turut terjejas iaitu terutama terhadap sektor ekonomi dan kesihatan. Impak COVID-19 telah memberikan kesan yang buruk kepada para peniaga (Fabeil et al., 2020). Ini adalah disebabkan pelaksanaan PKP oleh pihak kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19 menyebabkan orang ramai kurang untuk membuat pembelian. Justeru, inisiatif mengurangkan sewaan premis perniagaan amat membantu mengurangkan beban para peniaga yang terjejas. Selain itu, pemberian peruntukan kepada sektor kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri adalah amat wajar. Ini kerana, ia boleh mengurangkan beban kerajaan persekutuan dalam menanggung beban menguruskan para pesakit COVID-19 yang semakin meningkat saban waktu (Shakeel et al., 2020). Agihan dana zakat kepada golongan yang terjejas akibat COVID-19 adalah bertepatan dengan maqasid al-Shariah (Kadir et al., 2020; Ishak & Asni, 2020; Asni et al., 2021).





Demikian juga kempen yang dibuat secara maya melalui media-media elektronik dan laman maya rasmi MAIPs bagi menarik masyarakat Islam untuk turut menyumbang kepada institusi zakat. Kempen ini diketuai oleh Yang DiPertua MAIPs iaitu Raja Muda Perlis DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (MAIPs, 2021). Di samping itu, Yang DiPertua MAIPs dan juga pihak MAIPs sentiasa melahirkan penghargaan dan pujian kepada penyumbang zakat sebagai 'Adiwira' tidak didendang. Yang DiPertua MAIPs juga bertitah bahawa penyumbang zakat menjadi tulang belakang dan kekuatan majlis dalam melaksanakan segala amanah kutipan serta agihan zakat (Astro Awani, 2021).

Usaha yang dilakukan oleh pihak MAIPs ini adalah selari dengan kajian Umar et al. (2021) bahawa melalui hubungan langsung di antara kesedaran dan pengetahuan mengenai instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat, berpotensi memberikan sumbangan positif untuk meningkatkan kutipan zakat semasa pandemik COVID-19. Menurut kajian Yusoff et al. (2018), kempen zakat melalui media elektronik merupakan sumber maklumat utama bagi golongan muda untuk membayar zakat pendapatan.

Dari sudut agihan zakat, pihak MAIPs telah menjalankan beberapa inisiatif iaitu dengan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk membantu keberkesanan dalam agihan zakat. Antara pihak-pihak tersebut ialah semua jentera barisan hadapan merangkumi Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri, Polis, Tentera dan lain-lain (MAIPs, 2021). Selain itu, MAIPs juga bekerjasama dengan NGO, amil zakat, pengerusi kariah, pengerusi masjid. Misalnya dari sudut pendidikan, MAIPs menyalurkan RM11,680,080 sebagai peruntukan tahunan kepada institusi pendidikan Islam negeri Perlis pada tahun 2021. Sebanyak 34 buah Institusi Pendidikan Islam peringkat rendah, menengah, Maahad tahfiz dan Pengajian Tinggi di seluruh Perlis terlibat dalam senarai ini (MAIPs, 2021).

Demikian juga penyaluran peruntukan sumbangan bantuan kecemasan melalui 103 Kariah Masjid di seluruh negeri Perlis. MAIPs juga memudahkan birokrasi bantuan zakat iaitu individu yang terjejas hanya perlu hadir ke masjid atau bertemu dengan amil atau Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid untuk menerima bantuan tanpa perlu memohon dan dikreditkan terus ke dalam akaun (MAIPs, 2021). Jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak ini memudahkan MAIPs menyalurkan bantuan dengan lebih berkesan terutama kepada mereka yang terjejas dengan COVID-19 dan para asnaf yang sedia ada. Bagi bantuan asnaf zakat yang sedia ada yang direkodkan melalui Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu MAIPs (SPMB), pihak MAIPs akan kreditkan bantuan kepada para asnaf (MAIPs, 2021).

Kerjasama pihak MAIPs dengan pelbagai pihak dan memudahkan birokrasi bantuan zakat semasa COVID-19 dapat meningkatkan keberkesanan agihan zakat. Ini kerana, peningkatan golongan yang terjejas akibat penularan COVID-19, menyukarkan institusi zakat untuk mengenal pasti dan membantu pihak-pihak yang terjejas (Kamrizal & Nenengsih, 2021). Namun kerjasama dengan pelbagai pihak yang berautoriti seperti jabatan-jabatan kerajaan negeri, ia memudahkan bantuan untuk sampai kepada pihak-pihak yang terjejas di seluruh negeri Perlis di pelbagai peringkat masyarakat seperti masalah kesihatan akan dibantu oleh Jabatan Kesihatan Negeri. Selain itu, kemudahan dalam birokrasi bantuan zakat dapat membantu pihak-pihak yang terjejas untuk mendapatkan bantuan zakat dengan lebih pantas dan cepat (Wahid & Ahmad, 2014). Ini kerana, peningkatan golongan yang terjejas akibat COVID-19 menyukarkan pihak MAIPs untuk memproses permohonan mengikut kaedah biasa. Justeru, inisiatif tersebut amat membantu mengurangkan beban golongan yang terjejas.

Di antara cabaran MAIPs dalam suasana pandemik COVID-19 ini ialah pihak MAIPs mengenalpasti sebanyak 3,500 penerima bantuan asnaf baharu pada tahun 2021 berikutan pandemik COVID-19. Golongan tersebut menerima bantuan sara hidup secara berkala dan bantuan sara hidup bulanan MAIPs. Penambahan tersebut menyaksikan sebanyak 18,179 asnaf di bawah pemantauan MAIPs ketika ini berbanding 14,679 asnaf penerima bantuan yang





direkodkan melalui Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu MAIPs (SPMB) pada tahun sebelumnya (Utusan, 2021). Penambahan asnaf ini adalah ketara apabila kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19, ia memberi impak yang besar terutama kepada sektor ekonomi. Akibatnya beberapa sektor pekerjaan terpaksa menghentikan operasi serta-merta dalam usaha mengekang penularan COVID-19 (Fabeil et al., 2020).

Justeru, pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang amat besar bukan sahaja kepada golongan asnaf zakat, tetapi juga kepada golongan B40. Bahkan ia turut merebak kepada golongan M40 dan T20 terutama di kalangan para peniaga dan pekerja swasta yang terpaksa menutup perniagaan dan dibuang kerja terutama melibatkan sektor perkilangan, pelancongan, penerbangan dan industri kecil (Othman & Ibrahim, 2020). Kesannya menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar kemiskinan negara meningkat kepada 8.4 peratus daripada 5.6 peratus pada tahun 2019 di mana jumlah kemiskinan isi rumah di Malaysia telah meningkat daripada 405,000 pada 2019 kepada 640,000 pada tahun 2020 (Sinar Harian, 2021).

Di antara cabaran lain ialah pihak MAIPs sukar untuk turun padang bagi mengenalpasti golongan-golongan yang terjejas. Ini kerana, angka jangkitan yang semakin meningkat di negeri Perlis serta PKP yang dilaksanakan membawa risiko kepada para petugas (MAIPs, 2021). Walau bagaimanapun, pihak MAIPs sentiasa berusaha menjejaki golongan asnaf dan pihak yang terjejas melalui pelbagai saluran dan kaedah selain daripada mematuhi SOP sekiranya pergi ke tempat-tempat yang terjejas dengan jangkitan COVID-19. Pihak MAIPs juga akan berkerjasama dengan pihak kesihatan dan pihak berkuasa negeri ketika ingin membuat majlis penyerahan agihan zakat agar kelangsungan penyerahan zakat berlangsung dengan mematuhi SOP yang telah digariskan (MAIPs, 2021).

KESIMPULAN

Penularan wabak COVID-19 telah hampir dua tahun menular di seluruh dunia. Penularan wabak ini telah menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik kerana telah menjejaskan pelbagai sektor terutama terhadap sektor ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan tanpa sempadan. Situasi ini turut menjejaskan institusi zakat apabila kadar kemiskinan dan pihak yang terjejas dengan masalah kesihatan semakin meningkat, maka ia sudah pasti membawa impak yang significant terhadap kutipan zakat yang semakin berkurangan dan pengagihan zakat semakin meningkat. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengurusan kutipan dan agihan zakat oleh pihak MAIPs dalam menghadapi cabaran COVID-19 di negeri Perlis.

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, ia berjaya memenuhi objektif yang digariskan iaitu pihak MAIPs telah menjalankan beberapa inisiatif penting terutama dalam pengurusan kutipan dan agihan zakat dalam mendepani cabaran COVID-19. Antara inisiatif tersebut ialah menjalankan kempen zakat dan berkongsi maklumat zakat di media-media elektronik, memberi peruntukan kepada golongan yang terjejas dengan COVID-19 sama ada bantuan secara one off atau secara bulanan mengikut situasi golongan yang terjejas, berkerjasama dengan pelbagai pihak dan memudahkan birokrasi bantuan zakat. Usaha-usaha yang dilakukan ini mampu mengurangkan impak pandemik COVID-19 terutama di negeri Perlis.





RUJUKAN

- Abd Rashid, M., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Analisis faktor penentu kualiti pengurusan zakat: Kajian terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Sepang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 11: 27-44.
- Asni, F. (2018). Analysis of the Concept of Fatwa Uniformity according Mura'ah Al-Khilaf Method. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(7).
- Asni, F. (2021). The Role of Mura'ah al-Khilaf Epistemology in the Standardisation of Fatwa: An Analysis at the Perlis State Mufti Department. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 144–156.
- Asni, F., Mahamud, M. A., & Sulong, J. (2021). Management of Community Perception Issues to Ceiling and Floating Rates on Islamic Home Financing Based on Maqasid Shariah Concept. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7), 100-109.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Umar, A. I. (2021). The Role of The Perlis State Mufti Department in Restraining Covid-19 Through Fatwas and Legal Guidelines. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 311–328.
- Asni, M. F. A. H. M., & Sulong, J. (2017). Fatwa coordination between states: analysis of the practices of standardization and its method in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9(1), 86-109.
- Astro Awani. (2021). Penyumbang zakat adiwira tidak didendang – Raja Muda Perlis. Lihat: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyumbang-zakat-adiwira-tidak-didendang-raja-muda-perlis-294871>(Diakses pada 19/9/2021).
- Aziz, N. A., Othman, J., Lugova, H., Suleiman, A., behalf of the Economy, O., & Cluster, S. W. (2020). Malaysia's approach in handling COVID-19 onslaught: Report on the Movement Control Order (MCO) and targeted screening to reduce community infection rate and impact on public health and economy. *Journal of infection and public health*.
- Bin-Nashwan, S. A. (2021). Toward diffusion of e-Zakat initiatives amid the COVID-19 crisis and beyond. foresight.
- BNM. (2020). Prospek dan Dasar pada Tahun 2020. Lihat: https://www.bnm.gov.my/documents/20124/2722983/emr2019_bm_ch2.pdf (Diakses pada 15/9/2021).
- COVID-19/Kementerian Kesihatan Malaysia. (2021). Terkini Harian. Lihat: <https://covid-19.moh.gov.my/> (Diakses pada 30.8.2021).
- DOSM. (2020). Buletin Khas Negeri. Lihat: https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Special_Bulletin/DOSM_B_K_PERLIS_9_2020_Siri-16.pdf (Diakses pada 31/10/2021).
- Esrati, S. N. (2018). Fintech (Blockchain) Dan Pengurusan Zakat Di Malaysia/Financial Technology And Zakah Management In Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke, 13*.
- Fabeil, N. F., Pazim, K. H., & Langgat, J. (2020). The impact of Covid-19 pandemic crisis on micro-enterprises: Entrepreneurs' perspective on business continuity and recovery strategy. *Journal of Economics and Business*, 3(2).
- Fisal, S. F. M., Khafidz, H. A., Subri, I. M., & Rahman, A. A. (2016). Aplikasi Kaedah Fiqh Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha dalam Agihan Zakat untuk Mangsa Banjir: Application of Al-Darurah Tuqaddar Biqadariha from Islamic Legal Maxims in Zakat Distribution for Flood Victims. *Journal of Fatwa Management and Research*, 8(1), 79-90.





- Fisal, S. F. M., Rahman, A. A., Ahmad, S., & Wahid, H. (2016). Kedudukan Mangsa Banjir Sebagai Penerima Zakat dan Cadangan Pengaplikasiannya di Malaysia: The Status of Flood Victims As Zakat Receipts and Its Recommendations to be Applied in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 8(1), 109-123.
- Haider Syed, M., Khan, S., Raza Rabbani, M., & Thalassinis, Y. E. (2020). An artificial intelligence and NLP based Islamic FinTech model combining Zakat and Qardh-*Al-Hasan* for countering the adverse impact of COVID 19 on SMEs and individuals. *International Journal of Economics and Business Administration*.
- Hambari, H., Arif, A. A., & Zaim, M. A. (2020, October). The Role of Zakat Institution in Facing Covid-19. In *International Conference of Zakat* (pp. 119-126).
- Hudaefi, F. A., & Beik, I. S. (2021). Digital zakāh campaign in time of Covid-19 pandemic in Indonesia: a netnographic study. *Journal of Islamic Marketing*.
- Hudaefi, F. A., Caraka, R. E., & Wahid, H. (2021). Zakat administration in times of COVID-19 pandemic in Indonesia: a knowledge discovery via text mining. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Ibn Manzur, M. (1990). *Lisan al-‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibrahim, M. F. (2020). Perbandingan Kaedah Kutipan Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Negeri-negeri Utara Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*.
- Ibrahim, S. M. (2015). The role of zakat in establishing social welfare and economic sustainability. *International Journal of Management and Commerce Innovations*, 3(1), 437-441.
- Ishak, M. S. I., & Asni, F. (2020). The role of maqasid al-Shari‘ah in applying fiqh muamalat into modern Islamic banking in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Kadir, A., Hakim, M. R., Syam, F., & Karim, M. S. (2020). Penggunaan Dana Zakat Pada Korban Covid-19 Perspektif Maqashid Syariah. *Al-Tafaqquh: Journal of Islamic Law*, 1(2), 107-116.
- Kadri, Z., Ahmad, S., Noor, M. A. M., & dan Pengurusan, F. E. (2012). Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. *Prosiding PERKEM VII, Jilid II*, 1263-73.
- Kamrizal, K., & Nenengsih, N. (2021). Strategy of Zakat Collection during the Covid-19 Pandemic at Padang City (Case Study at LAZ Charity Risalah). *International Journal on Advanced Science, Education, and Religion*, 4(1), 76-85.
- Karim, W., Haque, A., Anis, Z., & Ulfy, M. A. (2020). The movement control order (mco) for covid-19 crisis and its impact on tourism and hospitality sector in malaysia. *International Tourism and Hospitality Journal*, 3(2), 1-7.
- Kasri, R. A., & Yuniar, A. M. (2021). Determinants of digital zakat payments: lessons from Indonesian experience. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*.
- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Lopez Bernal, J., Andrews, N., Gower, C., Gallagher, E., Simmons, R., Thelwall, S., ... & Ramsay, M. (2021). Effectiveness of Covid-19 vaccines against the B. 1.617. 2 (Delta) variant. *N Engl J Med*, 585-594.
- MAIPs. (2021). Berita Semasa. Lihat: https://maips.gov.my/index.php?option=com_k2&view=itemlist&layout=category&task=category&id=1&Itemid=834&lang=ms (Diakses pada 19/9/2021).





- MAIPs. (2021). Latar Belakang. Lihat: https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=14&Itemid=814&lang=ms (Diakses pada 19/9/2021).
- Ninglasari, S. Y., & Muhammad, M. (2021). Zakat Digitalization: Effectiveness of Zakat Management in the Covid-19 Pandemic Era. *Journal of Islamic Economic Laws*, 4(1).
- Nor, S. M., Abdul-Majid, M., & Esrati, S. N. (2021). The role of blockchain technology in enhancing Islamic social finance: the case of Zakah management in Malaysia. *foresight*.
- Othman, N., & Nor, F. M. (2021). Konsep Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 176-193.
- Othman, Z., & Ibrahim, A. Z. (2020). Covid-19: Coping Strategies among B40 Households in Malaysia to Achieve Food Security during Movement Control Order (MCO). *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(6), 1513-1524.
- Romdhoni, A. H. (2017). Zakat dalam mendorong pertumbuhan ekonomi dan pengentasan kemiskinan. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 3(01), 41-51.
- Shah, A. U. M., Safri, S. N. A., Thevadas, R., Noordin, N. K., Abd Rahman, A., Sekawi, Z., ... & Sultan, M. T. H. (2020). COVID-19 outbreak in Malaysia: Actions taken by the Malaysian government. *International Journal of Infectious Diseases*, 97, 108-116.
- Shaharin, N., Bhari, A., Yusof, M. F. M., & Yaakob, M. A. Z. (2021). An Analysis on the Zakat Distribution at Lembaga Zakat Selangor during the COVID-19 Pandemic. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 11(1), 1-10.
- Shakeel, S., Hassali, M. A. A., & Naqvi, A. A. (2020). Health and economic impact of COVID-19: mapping the consequences of a pandemic in Malaysia. *The Malaysian journal of medical sciences: MJMS*, 27(2), 159.
- Sinar Harian. (2021). Kadar kemiskinan negara meningkat 8.4 peratus pada 2020. Lihat: <https://www.sinarharian.com.my/article/160438/BERITA/Nasional/Kadar-kemiskinan-negara-meningkat-84-peratus-pada-2020> (akses pada 15/9/2021).
- Sinar Harian. (2021). MAIPs salur RM12.8 juta bantuan Covid-19. Lihat: <https://www.sinarharian.com.my/article/151696/BERITA/Nasional/MAIPs-salur-RM128-juta-bantuan-Covid-19> (Diakses pada 19/9/2021).
- Siti Fatimah, S., Amin, C. A., Jamahizan, J., & Mohd Syukri, M. N. (2014). Peranan Raja dalam institusi agama: satu kajian terhadap MAIPs dalam membangunkan ekonomi ummah di Perlis. *Prosiding Seminar Institusi Raja (SIRaj II): Seminar Raja Dan Kerajaan Perlis*. Lihat: http://dspace.unimap.edu.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/35703/Siraj_II_5_57-67.pdf?sequence=1 (Diakses pada 19/9/2021).
- Suhaimi, F. M. (2020). Peranan Zakat Dalam Membantu Peniaga Kecil Dan Penjaja Yang Terjejas Akibat Penularan Wabak Coronavirus Di Malaysia. *INTERNATIONAL SEMINAR ON ISLAM AND SCIENCE 2020 (SAIS 2020)*.
- Tonot, H., & Ibrahim, A. (2015). Penilaian Kualiti Perkhidmatan di One Stop Center Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Satu Kajian Rintis: Assessment on Service Quality in the One Stop Centre Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Journal of Management and Muamalah*, 5(1), 22-36.
- Umar, U. H., Baita, A. J., Haron, M. H. B., & Kabiru, S. H. K. (2021). The potential of Islamic social finance to alleviate poverty in the era of COVID-19: the moderating effect of ethical orientation. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Utusan. (2021). 3,500 asnaf baharu dikenal pasti ekoran pandemik Covid-19. Lihat: <https://www.utusan.com.my/berita/2021/07/3500-asnaf-baharu-dikenal-pasti-ekoran-pandemik-covid-19/> (Diakses pada 19/9/2021).





- Utusan. (2021). MAIPs lulus pengurangan kadar sewa premis. Lihat: <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/maips-lulus-pengurangan-kadar-sewa-premis/> (Diakses pada 19/9/2021).
- Wahid, H., & Ahmad, S. (2014). Faktor mempengaruhi tahap keyakinan agihan zakat: Kajian terhadap masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41-50.
- Wahid, H., Ahmad, S., Nor, M. A. M., & Rashid, M. A. (2017). Prestasi kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: perbandingan antara majlis agama islam negeri di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51(2), 39-54.
- WHO. (2020). Coronavirus disease (COVID-19) Pandemic. See: <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019> (Diakses pada 30.8.2021).
- WORLDMETERS. (2021). COVID-19 CORONAVIRUS PANDEMIC. See: <https://www.worldometers.info/coronavirus/> (Diakses pada 30.8.2021).
- Yusli, A. Y., Asni, F., & binti Umar, A. I. (2021). The Role of Fiqh Method in Strengthening Fatwa Related to Vaccine Injection for Prevent Covid-19 by Perlis State Mufti. *Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1439-1449.
- Yusoff, S. H. (2018). Keberkesanan Media Mempromosikan Zakat Pendapatan Sebagai Alternatif Kepada Cukai Pendapatan. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.

